

05/08/2000

Peluang besar dalam perniagaan runcit

Hatipah Ahmad

WALAUPUN pencapaian ekonomi negara kini dikatakan hampir mencapai tahap negara maju dan mempunyai ramai pakar dari kalangan Bumiputera dalam bidang baru seperti teknologi maklumat (IT), sesuatu yang sering diperkatakan kebelakangan ini ialah kurangnya penyertaan Melayu dalam bidang perniagaan.

Hakikatnya, kurangnya penyertaan Bumiputera dalam perniagaan runcit, terutamanya, bukan perkara baru. Sudah kerap teguran seumpamanya dibuat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pernah menyuarakan bahawa pembabit Melayu dalam perniagaan, terutama perniagaan runcit, masih rendah.

Menurutnya, sektor peruncitan tidak wajar diketepikan kerana ia dapat menyumbang kepada pertumbuhan kedudukan ekonomi mereka.

Banyak peranan dan kelebihan yang dapat diperolehi dalam perniagaan ini seperti menjadi orang tengah atau pembekal barangan yang dikeluarkan oleh pekilang Bumiputera dan ini secara tidak langsung membuka pasaran untuk keluaran terbabit.

Hakikatnya, penyertaan Bumiputera dalam perniagaan runcit masih lagi rendah disebabkan oleh kurangnya minat atau ketiadaan kemahiran dalam pengurusan perniagaan itu.

Kekurangan ini mendorong kepada kurangnya monopoli atau pembabit besar usahawan Melayu dalam bidang itu sehingga kawasan penempatan baru dan di luar bandar terus dikuasai kaum lain.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, kerajaan sedang merangka satu program khas untuk menggalakkan lebih ramai lagi usahawan Bumiputera menceburi bidang perniagaan runcit.

"Walaupun kini ramai peniaga Bumiputera lebih berminat menyertai perniagaan bidang baru seperti teknologi maklumat (IT), perniagaan runcit adalah bidang penting dan akan terus wujud di negara ini," katanya.

Pada masa yang sama, saranan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) supaya satu usaha menyeluruh dengan membabitkan semua pihak berkaitan, wajar dilakukan bagi meningkatkan bilangan Bumiputera dalam perniagaan runcit di negara ini.

Naib Presidennya, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin, berkata ini kerana Bumiputera bukan tidak berminat untuk menyertai perniagaan itu tetapi wujud banyak isu dan masalah yang seolah-olah menyekat penyertaan mereka.

Menurutnya, antara isu dan masalah yang sering dihadapi termasuk peluang perniagaan yang ditawarkan, kemudahan pinjaman dan kesukaran mendapatkan premis perniagaan. Antaranya membabitkan pelbagai pihak seperti pemaaju projek perbandaran baru, bank, pemilik gedung beli-belah dan kerajaan tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika berucap di Perhimpunan Agung Umno, Mei lalu, turut melahirkan rasa tidak puas hatinya terhadap pembabit Bumiputera dalam perniagaan runcit.

Menurutnya, usahawan Bumiputera tidak berminat dengan perniagaan runcit yang memerlukan pembabit secara langsung walaupun ia boleh menaikkan taraf mereka ke kelas menengah.

Peratusan Bumiputera yang terbabit dalam industri peruncitan, terutama di bandar besar, masih kecil berbanding usahawan Cina dan kebanyakan mereka hanya berniaga di gerai kecil di tepi jalan, pasar malam dan pasar tani.

Selain faktor minat, beberapa faktor lain, terutama kewangan dan

ketidakupayaan mendapatkan premis perniagaan, menghadkan penyertaan Bumiputera dalam industri runcit ini.

Ini kerana kebanyakan gedung beli-belah di bandar besar tidak menyediakan ruang yang sesuai dengan kemampuan golongan ini sementara bangunan yang dibina oleh penguasa tempatan biasanya tidak dapat menarik pelanggan.

Bank juga memainkan peranan penting memastikan kemudahan pinjaman dan dana yang disediakan untuk Bumiputera diagihkan dengan cepat.

Golongan korporat, agensi kerajaan atau pelabur perlu turut diberi garis panduan untuk memastikan mereka melakukan apa yang perlu bagi membantu golongan Bumiputera membabitkan diri dalam industri berkenaan.

Industri runcit sangat penting untuk mengukuhkan ekonomi Bumiputera kerana peruncit bertindak sebagai orang tengah yang secara tidak langsung menyediakan pasaran untuk produk yang dikeluarkan pekilang Bumiputera.

Kajian Kementerian Pembangunan Usahawan di beberapa kompleks perniagaan di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru pula mendapati hanya lima peratus Bumiputera yang berniaga di premis berkenaan. Selebihnya dikuasai kaum lain, termasuk di kawasan penempatan baru dan di luar bandar.

Peniaga Bumiputera pula sekadar terus bertapak di gerai kecil di tepi jalan, pasar malam dan pasar tani. Keadaan ini mengecewakan kerana industri runcit mempunyai prospek cerah untuk mengukuhkan ekonomi Bumiputera.

Namun, bukanlah peniaga Bumiputera kurang berminat tetapi apa yang pasti penyertaan mereka kerap terhalang oleh pelbagai faktor dan keadaan. Modal agak besar diperlukan sambil pinjaman daripada institusi kewangan pula tidak mudah diperolehi.

Walaupun kerajaan dan institusi kewangan menyediakan pelbagai dana atau skim pembiayaan, pemberian pinjaman dinilai mengikut syarat yang ditetapkan, termasuk keupayaan membayar balik pinjaman. Kebolehan memenuhi peluang perniagaan bagi keperluan pasaran di kawasan persekitaran juga penting untuk memastikan perniagaan mampu berkembang dengan baik.

(END)